

Eufemisme dan Disfemisme dalam Komunikasi Pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech

Eufemism and Dysphemism among Students's Communication Based on Leech Politeness Principle

Rahizian Mohd Shukor

Rahizian45@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Nur Farahkhanna Mohd Rusli

farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Kesavan Nallaluthan

kesavan@fpe.upsi.edu.my

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Received: 26 January 2021; **Accepted:** 23 March 2021; **Published:** 20 April 2021

To cite this article (APA): Mohd Shukor, R., Mohd Rusli, N. F., & Nallaluthan, K. (2021). Eufemisme dan Disfemisme dalam Komunikasi Pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 1-10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.1.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.1.2021>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menjelaskan penggunaan eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1993). Kajian ini merupakan suatu tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif. Proses pengumpulan data melibatkan dua kaedah, iaitu kaedah kepustakaan dan pemerhatian dengan bantuan instrumen seperti buku catatan, alat perakam dan borang maklum balas. Responden kajian merupakan 30 orang pelajar tingkatan 1 Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Hasil kajian menunjukkan pelajar mempunyai pengetahuan mengenai eufemisme dan disfemisme, serta boleh menggunakannya mengikut situasi tertentu. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat dua maksim yang dominan yang digunakan oleh pelajar iaitu maksim penghargaan dan maksim kerendahan hati. Dari segi implikasi, kajian ini bertujuan mengetengahkan kepentingan penggunaan bahasa yang santun ketika berkomunikasi.

Kata Kunci: eufemisme; disfemisme; komunikasi; pelajar; Prinsip Kesantunan Leech

ABSTRACT

The aim of this study is to explain the used of euphemism and dysphemism in communication based on Leech Politeness Principle (1993). This is a survey study that using qualitative method. Data of the study were obtained through library research and observations with the aids of instruments such as notebooks, recorder, feedback form. The respondent were selected among 30 form 1 students from Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Selangor. The result of this study shows that students have knowledge about euphemism and dysphemism, and can apply it in communication based on specific situations. The finding also shows that there are two maxims that has been used by students which is approbation maxim and generosity maxim. The implication of this study is to explain the importance of politeness aspects in communication.

Keywords: euphemism; dysphemism; communication; students; Leech Politeness Principle

PENGENALAN

Bahasa merupakan perlambangan bagi sesebuah ketamadunan sesuatu bangsa yang digambarkan melalui sistem dan amalan sosial dalam masyarakat yang tersusun secara sistematik. Aspek ketamadunan yang digunakan bagi menggambarkan ketamadunan dan keperibadian sesuatu bangsa ialah kesantunan bahasa dan cara kesopanan bahasa digunakan dalam sesebuah masyarakat. Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014), menjelaskan bahawa kesopanan atau kesantunan bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang diujarkan dengan sopan, beradab dan enak didengar ketika berbicara dengan orang lain. Jika perkataan yang diujarkan tidak sesuai dengan norma budaya masyarakat, maka masyarakat akan membuat persepsi bahawa seseorang itu mempunyai sikap ego, sombong dan tidak berbudaya. Dalam masyarakat Melayu misalnya, aspek kesantunan dapat dilihat melalui penggunaan penanda sopan, iaitu beradab semasa berkomunikasi. Semakin banyak penanda santun digunakan ketika berkomunikasi, maka semakin bertambah tingkat kesantunan si penutur (Norshariza Mohamed Faizal, Siti Saniah Abu Bakar dan Hasrina Baharum, 2020).

Bymes (1975) dalam Abdul Mua'ti (2001), menyatakan komunikasi ialah proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol. Berdasarkan pandangan tersebut, jelas bahawa komunikasi sangat penting dalam semua bidang, terhadap individu ataupun organisasi. Ketika berkomunikasi, penutur tidak terlepas daripada menggunakan bahasa halus dan bahasa kasar sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Dari segi linguistik, penggunaan bahasa halus dikenali sebagai eufemisme manakala penggunaan bahasa kasar dikenali sebagai disfemisme. Gómez (2012), menjelaskan definisi eufemisme dan disfemisme seperti yang berikut:

“Euphemism and dysphemism are two cognitive processes of conceptualization, with countervalent effects (having the same base and resources but different aims and purposes), of a certain forbidden reality”.

(Gómez, 2012:43)

Secara ringkasnya Gómez (2012), berpendapat bahawa eufemisme dan disfemisme merupakan suatu proses konseptualisasi kognitif yang memiliki kesan “*countervalent*”, iaitu satu asal kata yang sama namun mempunyai tujuan yang berbeza. Kedua-dua elemen bahasa ini akan digunakan sama ada untuk menghindari pertuturan yang menyinggung perasaan seseorang atau pertuturan yang tidak sepatutnya diujarkan, atau menggunakan ungkapan kasar yang boleh menyinggung perasaan seseorang untuk tujuan tertentu. Oleh sebab penggunaan eufemisme dan disfemisme dalam berkomunikasi dilihat mempunyai makna tertentu, maka satu kajian berkaitan eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar tingkatan 1 akan dilakukan. Pada peringkat umur tersebut, pelajar sedang mengalami fasa peralihan (daripada sekolah rendah kepada sekolah menengah) dan sedang menyesuaikan diri dengan budaya baharu termasuklah pergaulan dengan rakan-rakan baharu. Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi penggunaan variasi bahasa ketika berkomunikasi termasuklah penggunaan eufemisme dan disfemisme kerana menurut Zarien Nurlieyana Aminuddin, Azhar Md. Sabil dan Abdul Rasid Jamian (2020), interaksi sosial boleh mempengaruhi interaksi lisan pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif berikut, iaitu:

1. Mengenal pasti penggunaan eufemisme dan disfemisme yang digunakan dalam komunikasi pelajar.
2. Menganalisis penggunaan eufemisme dan disfemisme yang digunakan dalam komunikasi pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Nafisah Abdul Hamid (2015), budaya dan agama Islam merupakan antara faktor yang menjadikan masyarakat Melayu sebagai sebuah masyarakat yang mementingkan nilai kesantunan. Hal ini telah menyebabkan masyarakat Melayu mengamalkan pertuturan yang lemah lembut dan bersopan santun supaya tidak dianggap biadab atau tidak berbudi bahasa. Namun pada zaman yang serba canggih dan moden ini, beliau berpendapat kesantunan berbahasa dalam kalangan pelajar semakin terhakis disebabkan pengaruh asing yang meresap masuk ke dalam budaya masyarakat Melayu hingga menyebabkan pelajar menjadi semakin bersikap liberal dan kurang mengamalkan kesantunan berbahasa semasa berkomunikasi. Pelajar dilihat kurang peka terhadap penggunaan sistem sapaan yang sesuai semasa berkomunikasi serta kata-kata eufemisme yang digunakan untuk menggantikan kata-kata tabu yang dianggap kurang santun.

Hal ini turut dijelaskan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2012), yang berpendapat bahawa penggunaan strategi ketidaksantunan sering menjadi pilihan remaja sekolah bertujuan mentertawa, memperlekeh, mengejek dan menghina rakan-rakan lain. Keadaan ini secara tidak langsung meonjolkan amalan kesantunan berbahasa yang tidak dipraktikkan sepenuhnya oleh remaja walaupun di sekolah. Apabila nilai-nilai kesantunan tidak diamalkan, maka kekerapan penggunaan unsur disfemisme dalam komunikasi pelajar adalah tinggi berbanding bahasa berunsur eufemisme. Kedua-dua pengkaji berpendapat bahawa pembentukan perilaku berbahasa yang sopan santun dalam kalangan remaja perlu bermula daripada peringkat awal, iaitu melalui pendidikan di rumah dan di sekolah bagi meningkatkan kehamormian dalam kehidupan bermasyarakat di samping memelihara nilai-nilai santun dan norma masyarakat yang telah disepakati.

Bagi Zuraini Ramli, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Dahlia Janan dan Khairul Azam Bahari (2014), dalam berkomunikasi, penutur perlu menerapkan prinsip kesopanan (*Politeness Principle*) dengan enam maksimnya yang terdiri daripada maksim kebijaksanaan, maksim kedermawan, maksim sokongan, maksim kerendahan hati, maksim persetujuan dan maksim simpati seperti yang dikemukakan oleh Leech (1993). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh para pengkaji tersebut, didapati kesantunan berbahasa yang diamalkan di sekolah khususnya bagi golongan pelajar pada dasarnya boleh wujud dalam kebanyakan situasi melalui penggunaan bahasa yang berunsur eufemisme. Sungguhpun demikian, pengkaji tersebut berpendapat dalam sesetengah keadaan, ada maksim yang tidak dipatuhi atau dilanggari. Oleh yang demikian, para pengkaji berkenaan berpandangan keadaan ini perlu dilihat dengan lebih teliti agar budaya berbahasa di sekolah khususnya dalam kalangan pelajar menjadi lebih santun dan beradab, sekali gus dapat melahirkan generasi yang santun bahasa dan budayanya.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hamidah Abdul Wahab, Khazriyati Salehuddin, Mohammed Azlan Mis dan Imran Ho Abdullah (2020), eufemisme dalam komunikasi sangat penting bukan sakadar untuk menjaga hubungan baik antara sesama manusia, sebaliknya penggunaan bahasa yang lemah lembut dan sopan menggambarkan pemikiran manusia yang sistematik hasil daripada pengetahuan dan pengalaman penutur dalam alam budaya mereka. Dalam erti kata lain, jika aspek kesantunan tidak dipatuhi, maka setiap yang dituturkan dengan menggunakan unsur bahasa bersifat disfemisme akan menggambarkan sisi pemikiran penutur yang kurang baik. Bukan sahaja pemikiran penutur, malah khalayak cenderung memberi tanggapan yang negatif terhadap budaya yang menjadi amalan individu tersebut. Jika individu tersebut berbangsa Melayu misalnya, maka khalayak akan memberi tanggapan yang negatif akan perihal budaya masyarakat Melayu. Hal ini ternyata perlu di atasi dengan memberi pendedahan awal berkaitan penggunaan bahasa yang santun dan sopan terutama dalam kalangan pelajar memandangkan mereka ialah generasi yang akan mencorakkan masa dengan anak bangsa negara.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu bentuk kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis data. Menurut Cresswell dan Garret (2008), kajian kualitatif dilakukan untuk memberi kefahaman yang lebih terperinci tentang sesuatu perkara yang ini dikaji. Melalui kajian kualitatif, pengkaji berpeluang memerhati, berinteraksi dengan peserta kajian, dan seterusnya mengumpul dan menganalisis data kajian. Oleh sebab itu, kaedah kualitatif diterapkan dalam kajian ini memandangkan kaedah tersebut dapat diaplikasikan untuk menjelaskan penggunaan eufemisme dan disfemisme yang digunakan dalam komunikasi pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech.

Proses pengumpulan data pula melibatkan dua kaedah, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Kaedah kepustakaan digunakan dengan merujuk sumber bertulis seperti buku akademik, tesis, jurnal dan sebagainya untuk mendapatkan gambaran awal tentang kajian eufemisme dan disfemisme yang telah dijalankan para pengkaji sebelum ini. Kaedah pemerhatian pula digunakan dengan pengkaji pergi ke lapangan untuk bertemu dengan responden bagi mendapatkan data yang dapat menjawab objektif yang telah dikemukakan. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Selangor merupakan lokasi pengumpulan data dilakukan memandangkan pengkaji menjalani Latihan Mengajar di sekolah tersebut selama dua bulan.

Responden kajian merupakan 30 orang pelajar tingkatan 1 memandangkan pengkaji dipertanggungjawabkan untuk mengajar mata pelajaran bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar tersebut sepanjang menjalani Latihan Mengajar di sekolah berkenaan selama dua bulan. Instrumen yang digunakan bagi kajian ini merangkumi buku catatan, alat perakam dan borang senarai semak. Buku catatan digunakan untuk mencatat sebarang maklumat yang berkaitan dengan kajian bermula daripada peringkat pengumpulan data hingga ke peringkat penganalisisan data. Dalam erti kata lain, buku catatan mengandungi draf-draf yang berkaitan dengan kajian. Alat perakam pula digunakan untuk merekod audio pertuturan bagi mendapatkan ujaran responden. Instrumen ini penting untuk melihat penggunaan eufemisme dan disfemisme yang digunakan dalam komunikasi responden. Seterusnya, borang maklum balas digunakan untuk mencatat penggunaan eufemisme dan disfemisme yang dituturkan responden. Borang maklum balas ini tidak diedarkan kepada responden, sebaliknya borang maklum balas ini terkandung 20 soalan yang dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji untuk mengumpul ujaran berbentuk eufemisme dan disfemisme yang diujarkan responden.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan terdapat dua maksim digunakan dalam ujaran responden, iaitu maksim penghargaan dan maksim kerendahan hati. Menurut Yeni Lailatul Wahidah dan Hendriana Wijaya (2017), maksim merupakan kaedah kebahasaan dalam interaksi lisan, iaitu dari segi penggunaan bahasanya, kaedah-kaedah yang mengatur tindakan dan interpretasi terhadap tindakan dan ucapan lawan tutur. Maksim berperanan menggalakkan penutur berbicara dengan bahasa yang sopan dan mengelak daripada menggunakan bahasa-bahasa yang kesat. Dalam bahagian ini, perbincangan penggunaan eufemisme dan disfemisme berdasarkan kedua-dua maksim tersebut akan dijelaskan satu per satu untuk memudahkan pemahaman terhadap analisis kajian. Maksim persetujuan, kebijaksanaan, kedermawan dan simpati tidak dibincangkan kerana keempat-empat maksim tersebut tidak ditemukan penggunaannya dalam ujaran responden. Berikut adalah penggunaan eufemisme dan disfemisme daripada ujaran responden:

Jadual 1. Penggunaan eufemisme dan disfemisme dalam komunikasi pelajar

SOALAN	CATATAN
1. Adakah pelajar menyebut <i>Assalamualaikum dan salam sejahtera</i> apabila berjumpa dengan	Ada pelajar menyapa rakan-rakan atau guru yang berada di dalam kelas atau lalu di luar kelas dengan menggunakan ayat berikut:

guru?	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Assalamualaikum</i> • <i>Salam sejahtera</i>
2. Adakah pelajar menyapa rakan-rakannya dengan perkataan Hai ?	<p>Ada pelajar menyapa rakan-rakan yang berada di dalam kelas atau lalu di luar kelas dengan menggunakan perkataan atau ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Hai</i> • <i>Woi</i> • <i>Hei</i> • <i>Hai cikgu</i> • Nama panggilan atau samaran
3. Setiap kali ingin meminta izin daripada guru untuk keluar, adakah pelajar akan mengucapkan Izinkan saya ke tandas ?	<p>Ada pelajar yang meminta izin daripada guru untuk keluar kelas dengan menggunakan ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Cikgu nak pergi tandas sekejap</i> • <i>Boleh tak saya nak pergi ke tandas?</i>
4. Adakah pelajar meminta maaf dengan menggunakan perkataan Maafkan saya ?	<p>Ada pelajar yang meminta maaf dengan menggunakan ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Saya minta maaf</i> • <i>Maaf la</i> <p>Namun, ada juga pelajar yang tidak mengucapkan “<i>maaf</i>” apabila telah berbuat salah</p>
5. Setiap kali menerima pertolongan daripada kawan atau guru, adakah pelajar akan mengucapkan Terima kasih ?	<p>Ada pelajar yang berterima kasih kepada guru atau rakan-rakan dengan menggunakan ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Terima kasih cikgu</i> • <i>Thank you</i> • <i>TK (singkatan kepada terima kasih)</i> <p>Namun, ada juga pelajar yang tidak mengucapkan terima kasih</p>
6. Adakah pelajar menggunakan nama panggilan Saya ?	<p>Ketika bercakap dengan guru, ada pelajar yang menggunakan ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Saya budak baik</i> • <i>Saya rajin kan cikgu</i> • <i>Dia malas la cikgu</i> • <i>Saya sudah buat, dia belum lagi</i> • <i>Saya tinggal di KKB (Kuala Kubu Bharu)</i>
7. Adakah pelajar menggunakan nama panggilan Aku ?	<p>Ada pelajar India yang menggunakan nama panggilan <i>aku</i> seperti dalam ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Aku nama Danesh</i> • <i>Aku tinggal di Kerling</i> • <i>Aku datang ke sekolah dengan bas</i> <p>Ada pelajar Melayu yang menggunakan nama panggilan <i>aku</i> seperti dalam ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Aku dah siap</i> • <i>Aku pandai la</i>
8. Adakah pelajar sering menyebut perkataan kasar seperti Bodohlah ?	<p>Ada pelajar yang menggunakan perkataan kasar seperti dalam ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Bodoh la kau</i> • <i>Dia bodoh</i>
9. Adakah pelajar menggunakan carutan seperti perkataan Babi ?	Tiada
10. Adakah pelajar menggunakan carutan seperti perkataan lancau ?	<p>Ada pelajar yang menggunakan carutan seperti dalam ayat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Lancau la</i> • <i>Aku lancau kau</i>

	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Lancau dia</i>
11. Adakah pelajar menyebut perkataan Pemalas kepada rakan-rakan mereka?	Ada pelajar yang menggunakan perkataan <i>pemalas</i> seperti dalam ayat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Malas la kau ni</i> • <i>Dia pemalas la</i>
12. Adakah pelajar bercakap kasar dengan mengujarkan Lambat betul?	Ada pelajar yang menggunakan perkataan kasar seperti dalam ayat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Lambat betul la kau ni</i> • <i>Dia ni cikgu tulis lambat</i>
13. Adakah pelajar meminta izin daripada rakan-rakannya apabila ingin meminjam peralatan dengan mengujarkan Pinjam buku awak?	Ada pelajar yang meminta izin daripada rakan-rakannya dengan menggunakan ayat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Pinjam buku kau kejap</i> • <i>Pinjam jap wei</i>
14. Adakah pelajar mengambil berat terhadap guru seperti menyapa guru dengan soalan Cikgu sudah makan?	Sebahagian besar tidak mengujarkannya tetapi beberapa orang pelajar ada menanyakannya seperti <i>cikgu dah makan</i> dan <i>cikgu makan</i> pada waktu pagi dan selepas rehat sebelum memulakan PdPc
15. Adakah pelajar menyatakan rakan-rakannya Dia budak baik?	Ada pelajar yang mengatakan perkara yang baik kepada rakan mereka seperti dalam ayat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Dia budak baik cikgu, kata Ain kepada Lim</i> • <i>Saya budak baik cikgu</i>
16. Adakah pelajar memarahi rakan-rakannya dengan mengatakan Salahlah!	Ada pelajar yang memarahi rakan-rakannya seperti dalam ayat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Salah la tu</i> • <i>Tina salah la</i> • <i>Salah tu</i>
17. Adakah pelajar mengujarkan perkataan Kesian dia kepada rakan mereka?	Ada pelajar yang menggunakan perkataan <i>kesian dia</i> untuk tujuan mengejek
18. Adakah pelajar memarahi rakan-rakannya dengan mengatakan Buatlah sendiri!	Ada pelajar memarahi rakannya dengan mengatakan <i>Kau buat la sendiri</i> semasa membuat latihan
19. Adakah pelajar memarahi rakan-rakannya dengan mengatakan Tulislah sendiri!	Ada pelajar yang memarahi rakan-rakannya dengan menggunakan ayat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Kau tulis je la sendiri</i> • <i>Kau buat la sendiri</i> • <i>Wei, kau tulis apa</i>
20. Adakah pelajar meminjam buku rakan-rakannya dengan mengujarkan perkataan seperti Pinjam buku sekejap	Ada pelajar yang meminta izin daripada rakan-rakannya dengan menggunakan ayat berikut: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Wei, pinjam buku kau kejap</i> • <i>Nak buku kau kejap</i> • <i>Pinjam buku jap wei</i>

Maksim Penghargaan

Menurut Zuraini Ramli, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Dahlia Janan dan Khairul Azam Bahari (2014), dalam maksim penghargaan, aspek yang disarankan ialah meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Tambahnya, sesuatu ujaran mesti bersifat baik atau manis untuk menunjukkan penghargaan terhadap orang lain. Bagi Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim dan Mohd Ra'in Shaari (2009), apabila kos penutur diminimumkan dan manfaat untuk pendengar dimaksimumkan, maka sesuatu ujaran dikatakan lebih beradab. Dalam soalan 1 dan 2 misalnya, pelajar mengujarkan *assalamualaikum*, *selamat sejahtera*, *selamat pagi* dan *hai* untuk menyapa guru dan rakan-rakannya. Kata-kata sapaan seperti ini jelas menunjukkan pelajar boleh berbahasa halus atau menggunakan unsur eufemisme dalam berbahasa. Kata-kata sapaan tersebut digunakan untuk melahirkan harapan penutur terhadap kesejahteraan pendengar, selain dapat memaksimumkan manfaat untuk pendengar. Hal ini kerana kata-kata sapaan tersebut boleh membawa maksud mendoakan seseorang atau memberi harapan yang baik kepada pendengar. Bagi Noraiti A.

Rashid (2005), seseorang yang berpekerti santun dapat dilihat melalui pelakuannya yang mengucapkan salam apabila bertemu dengan guru, rakan dan keluarga.

Sungguhpun demikian, penutur perlu bijak menggunakan kata-kata yang bersesuaian dengan situasi dan individu yang menjadi lawan tuturnya kerana terdapat pelajar yang menggunakan perkataan *hai* untuk menyapa guru. Perkataan *hai* kurang sesuai digunakan untuk menyapa guru kerana perkataan tersebut lebih sesuai digunakan untuk menyapa individu yang lebih muda daripada mereka atau rakan yang sebaya dengan mereka berbanding menggunakannya untuk menyapa individu yang lebih dewasa. Dalam soalan 1 juga ditemukan penggunaan unsur disfemisme oleh pelajar apabila mengujarkan *woi* ketika menyapa rakan-rakannya. Dalam konteks ini, pelajar dilihat gagal mematuhi maksim penghargaan kerana menggunakan ungkapan yang kurang sopan ketika berkomunikasi dengan rakan-rakannya.

Seterusnya, unsur eufemisme berdasarkan maksim penghargaan ada juga ditunjukkan dalam soalan 5 apabila pelajar mengatakan *terima kasih cikgu* dan *thank you* setelah menerima pertolongan daripada orang lain. Maklum balas dalam soalan 15 turut menunjukkan penggunaan maksim penghargaan apabila pelajar menggunakan ungkapan berunsur eufemisme seperti *dia budak baik cikgu*. Berdasarkan data, pelajar faham penggunaan kata-kata halus atau eufemisme dalam pertuturan yang bertujuan mewujudkan kesenangan dan kegembiraan kepada orang lain. Untuk tujuan tersebut, pelajar tidak menggunakan kata-kata kesat atau disfemisme yang boleh menjejaskan emosi orang lain. Jelas bahawa, pelajar dapat mematuhi maksim penghargaan dan dapat mengaplikasi Strategi Kesantunan Positif apabila mereka menggunakan kata-kata sapaan yang bersesuaian dengan konteks dan memberi penghargaan dengan mengungkapkan perkataan yang baik dan positif kepada seseorang dalam berkomunikasi (Arina Johari & Indirawati Zahid, 2016).

Sungguhpun demikian, unsur disfemisme turut ditemukan dalam ujaran penutur bertujuan memberi tanggapan negatif terhadap orang lain. Bagi Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2012), golongan remaja sering menggunakan strategi ketidaksantunan untuk mentertawa, memperlekeh, mengejek serta menghina orang lain. Sebagai contoh, maklum balas bagi soalan 8 dan 10 menunjukkan penggunaan ayat yang berunsur carutan seperti *Bodoh la kau* dan *Lancau la*. Maklum balas bagi soalan 11 dan 12 pula menunjukkan penggunaan ayat yang merendahkan martabat orang lain seperti *Dia pemalas la* dan *Dia ni cikgu tulis lambat*. Ujaran ini dilihat telah melanggar maksim penghargaan atau juga dikenali sebagai maksim sokongan. Hal yang demikian kerana Elisa Nurul Laili (2017), berpendapat penggunaan ujaran sedemikian digunakan bertujuan memburuk-burukkan orang lain dengan pernyataan yang kemungkinan tidak sah, tidak benar atau boleh jadi merupakan pernyataan yang salah berkaitan individu tersebut. Tambah beliau, penutur seharusnya menghindari perbuatan yang boleh mengundang perasaan malu terhadap orang lain. Bagi Mohammad Idris (2000), cacian boleh membawa kesan buruk kerana akan menimbulkan perasaan benci dan sakit hati kepada pendengar. Oleh itu, pertuturan yang berbentuk disfemisme seperti cacian, makian, kata-kata dan kesat atau kata-kata yang memburuk-burukkan orang lain harus dielakkan bagi mengelakkan ketidakpatuhan terhadap aspek kesantunan dalam berbahasa.

Maksim Kerendahan Hati

Menurut Leech (1983), maksim kerendahan hati merupakan maksim yang meminimumkan pujian dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Berdasarkan data, maksim jenis ini telah dipatuhi apabila maklum balas bagi soalan 4 menunjukkan pelajar ada meminta maaf dengan menggunakan ujaran *saya minta maaf* dan *maaf la* dalam pertuturan. Perbuatan ini jelas menunjukkan sifat merendah diri dengan mengaku kesilapan yang telah dilakukan. Permohonan maaf menunjukkan pelaku meminimumkan pujian terhadap dirinya sendiri dengan memohon maaf atas kesalahan yang telah dilakukan. Menurut Tenas Effendy (2011), salah satu jati diri kemelayuan ialah bersikap *rendah hati*, iaitu bersikap sopan santun, tidak membesar-besarkan diri, tidak sombong, bongkak, membangga-banggakan harta dan kedudukannya. Sikap rendah hati mencerminkan sifat seseorang sebagai individu yang menghargai, menghormati dan memuliakan orang lain.

Sungguhpun demikian, data turut menunjukkan maksim ini tidak dipatuhi oleh pelajar ketika berkomunikasi terutama dengan rakan-rakannya. Sebagai contoh, maklum balas daripada soalan 6, 7 dan 15. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, maksim kerendahan hati merupakan maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri. Namun, maklum balas daripada ketiga-tiga soalan tersebut menunjukkan maksim ini tidak dipatuhi oleh pelajar apabila mereka mengetengahkan sikap bangga diri melalui ungkapan *saya budak baik, saya rajin kan cigu, saya sudah buat, dia belum lagi* bagi maklum balas daripada soalan 6, *aku dah siap, aku pandai la* bagi maklum balas daripada soalan 7, dan *saya budak baik cikgu* bagi soalan 15.

Ungkapan-ungkapan yang digunakan tidak berunsur disfemisme kerana ungkapan tersebut tidak menggunakan bahasa-bahasa kasar. Namun, ungkapan tersebut dianggap tidak mematuhi maksim kerendahan hati kerana pelajar jelas memaksimumkan pujian terhadap diri sendiri yang nyata bercanggah dengan prinsip yang terdapat dalam maksim kerendahan hati. Bagi Leech (1993), ungkapan seperti ini boleh dianggap kurang sopan kerana mempunyai elemen membangga diri. Seharusnya, pelajar perlu mengamalkan sikap penolakan terhadap pujian kerana menurut Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014), penolakan terhadap pujian mencerminkan sikap rendah diri dan sikap tidak bermegah-megah dengan pujian. Penolakan ini bukan sahaja melambangkan kesopanan berbahasa malah meminimumkan pujian terhadap diri sendiri.

Maksim Persetujuan, Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawan dan Maksim Simpati

Menurut Zuraini Ramli, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Dahlia Janan dan Khairul Azam Bahari (2014), maksim persetujuan atau juga dikenali sebagai maksim permuafakatan merupakan jenis maksim yang mementingkan aspek meminimumkan perbalahan, dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain. Seseorang perlu menyokong pendapat individu lain tanpa menafikan sepenuhnya pandangan individu tersebut sebagai tanda kita bersetuju dengan apa yang diperkatakan. Jika diteliti, maksim jenis ini gagal dipatuhi oleh responden kerana seperti yang ditunjukkan dalam maklum balas soalan 16 dan 19, responden ada menggunakan ayat seperti *Tina salah la, Salah la tu, Kau tulis je la sendiri* dan *Kau buat la sendiri*. Pernyataan-pernyataan tersebut jelas menunjukkan sikap tidak bekerjasama dalam kalangan pelajar yang ternyata menafikan bulat-bulat pandangan orang lain. Seharusnya, penutur perlu menyokong sama ada secara sepenuhnya atau separa terhadap pandangan tersebut. Jika ada percanggahan pendapat sekali pun, penutur perlu bermuafakat mencapai kesepakatan dan persetujuan bersama dengan berbincang, dan bukannya menafikan pendapat individu lain secara terang-terangan seperti yang dinyatakan dala contoh tersebut.

Seterusnya, maksim kebijaksanaan juga tidak ditemukan dalam data yang diperolehi. Leech (1983), menjelaskan maksim kebijaksanaan merupakan maksim yang memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Maksim kebijaksanaan ditandai dengan pemilihan kata yang tepat untuk mendekati dan berurusan dengan seseorang dan menggunakan kata yang sesuai serta sopan untuk memanggil orang lain (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2014). Sungguhpun demikian, situasi tersebut tidak terdapat dalam ujaran pelajar kerana kebanyakan mereka tidak menggunakan diksi yang berunsur eufemisme ketika berkomunikasi dengan rakan. Sebagai contoh, maklum balas soalan 20 menunjukkan penggunaan ayat seperti *Wei, pinjam buku kau kejap, Nak buku kau kejap* dan *Pinjam buku jap wei*. Ujaran seperti ini jelas menunjukkan sikap tidak matang dalam kalangan responden kerana menggunakan ungkapan yang kasar yang boleh menyebabkan pendengar berasa terganggu dan mengguris perasaan mereka akibat penggunaan bahasa yang berunsur negatif (Elisa Nurul Laili, 2017).

Bagi maksim kedermawan pula, merujuk kepada jenis maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri, atau dalam erti kata lain menguntungkan orang lain (Leech, 1983). Namun dalam kajian ini, data menunjukkan tiada penggunaan ungkapan berbentuk tawaran yang bertujuan menghulurkan bantuan diujarkan oleh responden kepada rakan-rakannya. Kebanyakan ungkapan yang digunakan menunjukkan responden lebih gemar melakukan

tugas bersendirian tanpa menawarkan bantuan kepada rakan-rakan yang memerlukan pertolongan. Sebagai contoh, maklum balas bagi soalan 19 menggunakan ayat seperti *Kau tulis je la sendiri* dan *Kau buat la sendiri* yang jelas menunjukkan responden tidak berniat untuk membantu rakan-rakan menyelesaikan tugas. Daripada contoh yang diberikan, penolakan tawaran yang dilakukan dianggap tidak mematuhi maksim kedermawan kerana responden tidak menawarkan pertolongan kepada rakan-rakannya dan memaksimumkan manfaat kepada diri sendiri dengan tidak mengendahkan pertolongan daripada orang lain.

Maksim simpati juga tidak ditemukan penggunaannya dalam ujaran responden. Dalam maksim simpati, penutur mesti menunjukkan rasa simpati terhadap pendengar dan mengurangkan antipati terhadap diri sendiri. Penutur perlu memperbanyakkan ungkapan berunsur rasa kasihan terhadap pendengar dalam sebarang bentuk keadaan. Contoh paling asas ialah ungkapan seperti *kesian* atau *kasihan dia* (Zuraini Ramli, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Dahlia Janan & Khairul Azam Bahari, 2014). Sungguhpun demikian, data tidak menunjukkan penggunaan ungkapan berunsur simpati sebaliknya lebih kepada penggunaan ungkapan yang membangga diri seperti *Aku dah siap* dan *Aku pandai la* (maklum balas soalan 7), merendah-rendahkan orang lain seperti *Malas la kau ni*, *Dia pemalas la*, *Lambat betul la kau ni* dan *Dia ni cikgu tulis lambat* (maklum balas soalan 11 dan 12) serta menghina orang lain seperti *Bodoh la kau*, *Dia bodoh* dan *Lancau la* (maklum balas soalan 8 dan 10). Situasi ini jelas menunjukkan penggunaan unsur disfemisme dalam komunikasi sekali gus tidak dianggap mematuhi maksim simpati.

KESIMPULAN

Penggunaan unsur eufemisme dan disfemisme amat penting dalam komunikasi. Hal ini demikian kerana unsur-unsur eufemisme dan disfemisme mampu memberikan impak sama ada positif dan negatif kepada khalayak terutamanya melalui penggunaan kata-kata halus atau kata-kata yang kasar penggunaannya. Dalam kajian ini yang melibatkan pelajar sekolah, pendedahan terhadap eufemisme dan disfemisme merupakan satu inisiatif yang positif dalam membentuk keperibadian pelajar. Penggunaan unsur eufemisme dan pencegahan penggunaan unsur disfemisme dalam komunikasi mampu menerapkan nilai-nilai murni kepada khalayak kerana bahasa yang digunakan akan menjadi lebih lembut, sopan dan beradab setelah mengetahui kesan penggunaannya. Penggunaan unsur eufemisme dan disfemisme boleh membantu guru dan pelajar mengadaptasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian dengan menggunakan kata-kata yang santun dan mengurangkan penggunaan bahasa yang kasar dalam pertuturan. Dari segi prinsip kesantunan, responden dilihat dapat mematuhi dua jenis maksim secara proaktif, iaitu maksim penghargaan dan kerendahan hati. Kedua-dua maksim ini dapat dikenal pasti melalui penggunaan bahasa yang berunsur eufemisme. Namun pada masa yang sama, hasil kajian menunjukkan responden juga gagal mematuhi empat maksim yang lain, iaitu maksim persetujuan, kebijaksanaan, kedermawan dan simpati berdasarkan penggunaan ungkapan-ungkapan yang berunsur disfemisme. Dari segi implikasi, kajian ini dapat mengetengahkan kepentingan penggunaan bahasa yang santun dalam komunikasi khususnya dalam kalangan pelajar. Hal ini penting bagi melahirkan bangsa yang bepekerti mulia, beradab dan mempunyai nilai-nilai murni yang positif. Secara tidak langsung, keadaan ini dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun selain dapat mencerminkan budaya yang baik melalui penggunaan bahasa yang santun di mata khalayak.

RUJUKAN

- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim & Mohd Ra'in Shaari. (2009). *Semantik Dan Pragmatik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abdul Mua'ti. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu Dalam Ujaran Memberi Dan Meminta Nasihat. *Gema Online@ Journal Of Language Studies*, Vol. 16 (2), 73-94.

- Cresswell J. W. & Garret A. L. (2008). The "Movement" Of Mixed Methods Research and The Role Of Educators. *South African Journal Of Education*, 28, 321-333.
- Elisa Nurul Laili. (2017). Disfemisme Dalam Perspektif Semantik, Sociolinguistik Dan Analisis Wacana. *Lingua Vol. 12, No. 2*. 110-118.
- Gómez M. C. (2012). The Expressive Creativity Of Euphemism And Dysphemism. *Lexis Journal In English Lexicology* 7, 43-64.
- Hamidah Abdul Wahab, Khazriyati Salehuddin, Mohammed Azlan Mis & Imran Ho Abdullah. (2020). Eufemisme Perceraian Dalam Masyarakat Melayu Sarawak: Analisis Semantik Kognitif. *Gema Online® Journal Of Language Studies, Vol. 20 (4)*, 74-94.
- Lailatul Wahidah & Hendriana Wijaya. (2017). Analisis Kesantunan Berbahasa Menurut Leech Pada Tuturan Bahasa Arab Guru Pondok Pesantren Ibnu Qoyyim Putra Yogyakarta Tahun Ajaran 2016/2017 (Kajian Pragmatik). *Jurnal A- Bayan, Vol. 9, No. 1*, 1-16.
- Leech, G. (1983). *Principles Of Pragmatics*. New York: Longman.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik*. (Terj). Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohammad Idris. (2000). *Kesantunan Berbahasa Dalam Perbualan Keluarga Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nafisah Abdul Hamid. (2015). Kesantunan Bahasa: Penggunaan Sistem Sapaan Dan Eufemisme Dalam Komunikasi. *Jurnal Pusat Bahasa Melayu Singapura, 1*, 6-35.
- Noraiti A. Rashid. (2005). *Kesantunan Orang Melayu Dalam Majlis Pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norshariza Mohamed Faizal, Siti Saniah Abu Bakar & Hasrina Baharum. (2020). Seni Penolakan Melayu Antara Pemimpin Berdasarkan Teks Sulalat Al-Salatin. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature. Jilid 11, No.2*. 33-43.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi Struktur Dalam Peristiwa Melunas Rindu. *Jati. Vol. 19*, 151-168.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan Dan Semangat Melayu*. Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation: Pekanbaru.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2012). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Dalam Kalangan Remaja Di Sekolah. *Jurnal Linguistik, 16*, 62-74.
- Zarien Nurlieyana Aminuddin, Azhar Md. Sabil & Abdul Rasid Jamian. (2020). Teknik Interaksi Lisan Dalam Pengajaran Kursus Bahasa Melayu Di Institusi Pendidikan Guru (Ipg). *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature. Jilid 11, No.2*. 18-32.
- Zuraini Ramli, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Dahlia Janan & Khairul Azam Bahari (2014). Amalan Kesantunan Berbahasa Sebagai Cerminan Santun Budaya Dalam Memartabatkan Bahasa Melayu. *Bahasa Ibu: Pelestarian Dan Pesona Bahasanya*. Bandung: Unpad Press, Gedung Rektorat Lantai IV Jalan Raya Jatinang DK, Semedang.